

29 JUL 1998

Mahathir-Selatan

MALAYSIA AKAN MENERUSKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Zulkefli Salleh

MAPUTO (Mozambique), 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada negara-negara selatan bahawa Malaysia akan mengotakan janji-janjinya berhubung kerjasama dan pelaburan walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari, berkata masalah ekonomi yang dihadapi Malaysia tidak akan melunturkan keinginannya untuk bekerjasama dengan negara-negara selatan.

Ketika berucap pada jamuan negara yang diberikan oleh Presiden Joaquim Alberto Chissano di kediamannya, Dr Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia akan meneruskan kerjasama dan menanam pelaburan di negara-negara itu termasuk Mozambique, sebaik sahaja ia pulih daripada kegawatan ekonomi itu.

Lawatan Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali adalah sebagai membalas kunjungan Presiden Chissano ke Malaysia pada tahun lepas. Lawatan Dr Mahathir itu adalah yang pertama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia ke bekas koloni Portugal itu yang sedang berusaha membangun daripada kebinasaan perang pembebasan selama 16 tahun.

Dr Mahathir mengingatkan kembali ketika Presiden Chissano melawat Malaysia tahun lepas bahawa Malaysia terutamanya sektor swasta sangat berminat untuk turut serta dan menyumbang dalam pembangunan semula Mozambique.

"Kesungguhan, kemahiran dan pengalaman masih ada. Tetapi hari ini mereka tidak mempunyai sumber-sumber untuk melakukannya.

"Kami kesal kerana selain daripada hanya dua atau tiga syarikat, syarikat lain yang disambut dengan mesra telah jatuh. Bahkan, di negara kami sendiri, kemampuan kami untuk melabur dan berkembang telah berkurangan," katanya.

Dr Mahathir berkata pertumbuhan lapan peratus setahun yang dinikmati Malaysia telah terhapus kepada pencapaian negatif 1.8 peratus, nilai matawangnya susut sebanyak 70 peratus dan modal pasaran sahamnya merosot sebanyak dua pertiga.

Rakyat Malaysia yang mempunyai pelaburan di luar negara kini terpaksa mencairkan pegangan aset asing mereka agar dapat membawa pulang wang untuk mengekalkan operasi domestik mereka, katanya.

"Tetapi kita tidak mahu mengaku kalah. Kita masih perlu untuk bekerjasama dengan negara-negara selatan. Kita mungkin tidak dapat berbuat apa-apa sekarang tetapi kita akan tetap bekerjasama dan melabur di negara asing apabila keadaan mengizinkan," katanya.

Dr Mahathir berkata kenyataan ini jelas jika dilihat kepada rombongan sektor swasta yang ramai yang mengiringinya walaupun menghadapi masalah di tanahair.

Beliau berkata Petronas juga berminat untuk meninjau peluang-peluang yang terdapat di sini.

Dr Mahathir berkata daripada apa yang telah berlaku di Asia Tenggara jelas bahawa negara-negara kaya tidak suka melihat Kerjasama Selatan-Selatan dan bagi negara-negara selatan membangun dan menikmati kemakmuran.

Beliau berkata Barat telah menemui satu senjata baru iaitu dalam bentuk manipulasi matawang untuk memaksa negara-negara membangun tunduk kepada mereka dan beberapa negara di Asia Tenggara yang tidak dapat mengekang kuasa itu telah tunduk kepada mereka.

"Proses untuk memiskin atau menghancurkan negara dan untuk menghentikan Kerjasama Selatan-Selatan adalah sangat mudah.

"Bot pembedil tidak lagi diperlukan. Kini dengan hanya menurunkan nilai matawang kita, kita boleh dipaksa untuk tunduk, satu penyerahan yang tidak jauh berbeza daripada penaklukan dan penjajahan," katanya.

Terdahulu Dr Mahathir disambut oleh Presiden Chissano di lapangan terbang antarabangsa Maputo dan kemudian diberikan majlis sambutan rasmi di terminal lapangan terbang. Beliau memeriksa satu perbarisan kehormat dengan diiringi 19 das tembakan.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi presiden di pejabatnya dan mereka kemudian mengadakan satu mesyuarat delegasi.

Esok, Dr Mahathir dijadual diberikan taklimat mengenai Koridor Maputo, satu rancangan untuk menjadikan Mozambique pintu masuk kepada selatan Afrika dari pantai timur. Koridor itu adalah dari Pelabuhan Maputo sehingga ke Teluk Walvish, Namibia di barat daya Afrika.

Mozambique, yang kaya dengan arang batu, titanium dan gas asli, terletak di antara Afrika Selatan dan Tanzania dan dipisahkan dari Madagascar oleh Selat Mozambique.

Bekas koloni Portugal itu mempunyai kira-kira 18 juta penduduk dan mencapai kemerdekaan pada 25 Jun, 1975. Negara itu adalah enam kali lebih besar dari Malaysia dan mempunyai keluasan kira-kira 800,000 km persegi dan pantai sepanjang 2,700 km.

Sehingga ini, Southern Bank of Malaysia telah mewujudkan sebuah bank usahasama dengan bank pembangunan pertanian Mozambican dengan ekuiti sebanyak 51 peratus dan Dr Mahathir dijangka melancarkan sebuah lagi bank usahasama di antara Putra Bank of Malaysia dengan sebuah rakan kongsi tempatan semasa lawatannya di sini.

Rombongan Dr Mahathir termasuk Pengerusi dan Ketua Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Marican dan wakil dari YTL Corporation, Business Focus dan ahli perniagaan dari pelbagai syarikat Malaysia dan Timbalan Menteri Luar Dr Leo Michael Toyad.

-- BERNAMA
ZKS AKD